

Koperasi bukan

✓
Oleh Norazmi Abdul Talib dan Zulkifli Ali

3M 13 SEP 1992

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak bercadang menghadkan penyertaan ahli politik dalam pergerakan koperasi di negara ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan mereka supaya jangan menggunakan koperasi untuk kepentingan politik masing-masing.

"Kita cuma boleh memberi nasihat kerana kita tidak ada undang-undang menyekat penyertaan ahli politik dalam koperasi," katanya ketika ditanya pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-12 Koperasi Usaha Bersatu (KUB) di Dewan Mukhtar, Pusat Islam, di sini, semalam.

Katanya, terpujanglah kepada anggota koperasi untuk menilai ahli politik yang berada di dalam pergerakan mereka kerana sekiranya ahli politik itu dibiarkan mencampur aduk perniagaan dan politik, koperasi itu sendiri yang akan rugi.

Menurut Dr Mahathir, adalah tidak menjadi satu kesalahan bagi ahli politik membabitkan diri secara aktif di dalam pergerakan koperasi di negara ini asalkan koperasi itu tidak diguna untuk menjatuhkan ahli politik lain.

Dr Mahathir juga berkata matlamat koperasi menjaga kepentingan ahli akan gagal jika tidak mengamalkan budaya korporat dalam mengu-

ruskan kegiatan kewangan, perniagaan dan perusahaan.

Katanya, percanggahan akan timbul jika koperasi hendak menjalankan perniagaan besar tetapi mahu mengekalkan keistimewaan yang boleh diterima sebagai koperasi.

"Kalau hendak bergiat sebagai korporat kena mengamalkan budaya korporat. Koperasi yang berkembang masuk dalam bidang kewangan, perniagaan serta perusahaan dan yang tidak mempunyai budaya korporat, akan gagal," katanya.

Menurutnya, koperasi boleh mengadakan usahasama pelaburan dengan badan korporat lain kerana penubuhan koperasi adalah untuk kepentingan ahli bagi mengurangkan kos sara hidup.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, kejayaan sesebuah koperasi juga bergantung kepada kepekaan terhadap perniagaan selain mempunyai pemimpin yang cekap, jujur dan tidak bermain politik.

Katanya, kepekaan terhadap perniagaan menjadikan koperasi dikendalikan sebagai syarikat persendirian dengan membuat untung dan membayar dividen kepada ahli.

"Tujuan koperasi bukan untuk mencari untung yang besar tetapi mengurangkan kos sara hidup ahlinya. Secara tidak langsung pengu-

adalah sama dengan keuntungan," katanya.

Beliau juga berkata, pergerakan koperasi dan penutupan Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) adalah salah satu babak hitam pembangunan koperasi di negara ini.

Katanya, banyak KPD diletakkan di bawah kuasa penerima dan beberapa pemimpin yang rasuah dipenjarakan.

"Kehidupan ramai orang habis musnah dan ramai keluarga hilang semua simpanan yang mereka kumpulkan dengan susah payah. Hampir 600,000 penyimpan hilang lebih daripada \$1.5 bilion," katanya.

Beliau berkata, mereka yang menyalahkan kemelesetan ekonomi sebagai salah satu sebab utama kegagalan KPD membuat penilaian yang salah.

Katanya, banyak negara yang mengalami kemelesetan lebih teruk daripada Malaysia tetapi pergerakan koperasi mereka tetap kukuh.

Bagaimanapun, katanya, koperasi yang gagal adalah koperasi melabur dalam sektor yang tidak tepat pada masa itu seperti hartanah dan bangunan serta terbabit pula dengan anak syarikat yang mengalami kerugian.

"Demi mengejar keuntungan yang cepat, ada koperasi yang terbabit dalam urusan kewangan kompleks, yang sebenarnya adalah urusaniaga di atas kertas saja," katanya.

medan politik